

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[KUANTAN]**

**TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) sama ada semua anggota Kabinet telah mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh sebulan yang dijanjikan sebelum ini; dan
- (b) adakah maklumat pengisytiharan harta boleh diakses orang awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 13 Julai 2020 masih terdapat beberapa orang Anggota Jemaah Menteri yang belum mengemukakan sesalinan pengisytiharan harta kepada SPRM; dan
- b) Pada masa ini, paparan pengisytiharan harta melalui laman web SPRM, hanya akan dibuat setelah Kerajaan memutuskan satu kaedah baru dalam pemaparan mengenai jumlah harta/ pendapatan yang telah diisytiharkan.

Sekian, terima kasih.